

Newspaper	Berita Harian
Date	12/08/2017

Transformasi Perkhidmatan Awam utama kebajikan rakyat

➔ Dasar permudah urusan seharian, beri keselesaan kepada orang ramai

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata dasar Transformasi Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan bagi memudahkan urusan seharian adalah bukti kesungguhan kerajaan dalam meletakkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan. Perdana Menteri berkata, dasar

itu bertujuan menambah baik perkhidmatan awam sedia ada, antaranya perkhidmatan memperbaharui pasport yang dulunya perlu mengambil masa sehingga 10 hari bekerja, kini cuma memerlukan satu atau dua jam sahaja.

Operasi setiap hujung minggu

“Malah kaunter Imigresen di Pusat Transformasi Bandar (UTC) juga beroperasi setiap hujung minggu kecuali cuti umum. Bermula 2016, permohonan memperbaharui pasport juga boleh dijalankan secara dalam talian.

“Begitu juga permohonan MyKid dan MyKad yang dahulunya tempoh menunggu permohonan adalah sehingga 30 hari berbanding kini di mana permohonan baharu hanya mengambil masa 24 jam.

“Kaunter Jabatan Perdana Menteri (JPM) di UTC dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) juga dibuka pada hujung minggu sehingga malam kecuali cuti umum.

Ini bukan sahaja memudahkan orang ramai, malah mengelakkan kesesakan pada waktu puncak” katanya menerusi entri terbaru di blog rasminya najibrazak.com, semalam.

Perdana Menteri berkata, satu lagi aspek penting dalam kehidupan rakyat adalah rawatan kesihatan yang kini sudah ditambah baik oleh kerajaan.

Beliau berkata, jika dahulu penduduk di kawasan pedalaman terpaksa berjalan jauh untuk mendapatkan rawatan di klinik kesihatan atau hospital, kini Klinik Bergerak 1Malaysia sanggup meredah hutan dan sungai semamata untuk memberi rawatan kepada orang ramai.

“Inilah yang saya katakan Transformasi Perkhidmatan Awam iaitu usaha menyenangkan urusan orang ramai. Bukti kerajaan sentiasa meletakkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan,” katanya.



BH-12/8/2017
Pg. 2



Inilah yang saya katakan Transformasi Perkhidmatan Awam iaitu usaha menyenangkan urusan orang ramai. Bukti kerajaan sentiasa meletakkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan”

Najib Razak,
Perdana Menteri